

Penularan COVID-19

Parkir hospital ATM tukar jadi wad rawatan

(10 Julai 2021) Berita Harian, p. 8

Zon urus bencana di tingkat bawah terima mangsa kategori 4, 5 mulai semalam

Oleh Nor Azizah Mokhtar dan Amir Mamat
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menyediakan Zon Pengurusan Bencana (DMZ) sebagai wad rawatan pesakit COVID-19 di parkir tingkat bawah, Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan, di sini.

Panglima Angkatan Tentera, Tan Sri Affendi Buang, berkata DMZ bertujuan menampung keperluan rawatan pesakit COVID-19 kategori 4 dan 5 yang semakin meningkat di Lembah Klang.

"Persiapan menyediakan DMZ medan itu selesai sepenuhnya hari ini (semalam) dengan bantuan Kementerian Kesihatan (KKM) dan Agensi Pengurusan Bencana Malaysia (NADMA).

"DMZ beroperasi sepenuhnya untuk menerima pesakit COVID-19 bagi kategori 4 dan 5 hari ini (semalam) juga," katanya dalam kenyataan, semalam.

Beliau melihat tahap persediaan staf perubatan yang terbabit serta keupayaan DMZ, tengah hari semalam, diiringi Ketua Penegaralah Perkhidmatan Kesihatan Angkatan Tentera, Lt Jen Datuk Dr Zulkeffeli Mat Jusoh.

Affendi berkata, ruang parkir yang digunakan diwartakan sebagai DMZ.

"Ruang itu direka khas pada



Deretan katil ditempatkan di bahagian parkir Hospital Angkatan Tentera Tuanku Mizan yang dijadikan wad untuk pesakit COVID-19 kategori 4 dan 5.

(Foto Ihsan Bahagian Hal Ehwal Awam-J7 ATM)

awal pembinaan hospital berkenaan bagi menghadapi kes bencana kimia dan biologi.

"DMZ juga disokong dengan faktor kemudahan sedia ada di ruang parkir itu dari aspek bekalan kuasa elektrik, oksigen, port vakum dan bantuan sokongan perubatan lain yang mampu mengendalikan pesakit dengan kapasiti bersesuaian," katanya.

Affendi berkata, DMZ yang berkeupayaan menyediakan 50 katil tambahan diletakkan di bawah pemerintahan Pegawai Memerintah hospital itu, Brig Jen Datuk Dr Rosman Ab Rahman dan Lt Kol Dr Mohamad Azlan Arrifin sebagai Komander Operasi DMZ.

Di Melaka, Hospital Medan akan diwujudkan di Hospital Jasin dalam masa terdekat bagi mengurangkan beban Hospital Melaka,

susulan penggunaan katil yang mencecah paras amat kritikal.

EXCO Kesihatan dan Antidarah negeri, Datuk Rahmad Mariman, berkata hospital medan dengan 70 katil itu akan digunakan pesakit bukan COVID-19 bagi membolehkan Hospital Melaka memberi tumpuan terhadap rawatan COVID-19.

Setakat Rabu lalu, katanya, kadar penggunaan katil di Hospital Melaka adalah 90 peratus bagi pesakit biasa, manakala penggunaan katil COVID-19 adalah 91 peratus.

"Hampir sepenuhnya ruang di Hospital Melaka digunakan untuk merawat, termasuk semua zon di Jabatan Kecemasan, bilik mesyuarat dan stor, di samping membina khemah di ruang letak ambulans untuk menem-

patkan pesakit COVID-19.

"Kerajaan Persekutuan meluluskan permohonan Melaka mewujudkan hospital medan menerusi mesyuarat Majlis Keselamatan Negara (MKN) dipengerusikan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob, semalam (kelmarin)," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menjauh hari pertama pelaksanaan Pusat Pemberian Vaksin (PPV) secara pandu lalu di Lapangan Terbang Antarabangsa Melaka (LTAM) Batu Berendam, di sini semalam.

Berikutkan kepadatan di Hospital Melaka, Rahmad berkata, dua hospital daerah iaitu di Alor Gajah dan Jasin dijadikan pusat rawatan pesakit COVID-19 bermaula minggu ini.

Setakat ini, katanya, sebanyak 400 daripada keseluruhan 444 katil di hospital berkenaan penuh, manakala 13 pesakit terpaksa dirawat di Hospital Alor Gajah dan Jasin.



Affendi Buang